

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[KANGAR]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 19**

Ir Shaharuddin bin Ismail (Kangar) minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan penjelasan tentang bil telekomunikasi dan perkhidmatan internet yang semakin menekan pengguna. Walaupun perkhidmatan sudah ditamatkan, namun bil terus meningkat walaupun tiada servis yang digunakan oleh pelanggan.

**JAWAPAN:**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) secara berterusan mengadakan perbincangan bersama pemberi perkhidmatan telekomunikasi dan internet agar dapat menyediakan pakej-pakej mengikut keperluan dan kehendak pengguna yang pelbagai serta tidak sekali kali menekan pengguna.